



## Nilai simbolik sebagai penunjuk kelestarian modal sosial petempatan tradisional di Kuala Terengganu, Malaysia

Nur 'Adilah Hassan<sup>1</sup>, Nor Zalina Harun<sup>1</sup>, Noordeyana Tambi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Nor Zalina Harun (email: [nzalina@ukm.edu.my](mailto:nzalina@ukm.edu.my))

Received: 03 January 2020; Accepted: 06 August 2020; Published: 28 August 2020

### Abstrak

Pemahaman yang mendalam mengenai nilai warisan bagi petempatan tradisional adalah penting untuk membentuk satu gabungan kerjasama dalam menghasilkan sebuah keputusan yang lebih strategik untuk pemeliharaan sesebuah petempatan tradisional. Hal ini kerana, penilaian nilai warisan dapat membantu dalam mengenal pasti dengan lebih mendalam akan nilai-nilai penting yang menyokong kepada peningkatan perpaduan komuniti. Namun demikian, ancaman-ancaman terhadap persekitaran fizikal di petempatan tradisional yang tidak terbandung dilihat bakal menghakis nilai-nilai warisan sekali gus mengancam kelestarian modal sosial yang telah terbentuk sejak sekian lama. Justeru, dengan menggunakan pendekatan gabungan penyelidikan ini menghurai nilai-nilai warisan penting bagi komuniti tempatan yang terlibat secara langsung serta tidak langsung di Kampung Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Hasil dapatan menunjukkan komponen penilaian simbolik memperolehi nilai purata kumulatif yang tertinggi manakala penilaian ekonomi merekodkan nilai purata kumulatif paling rendah berbanding tiga nilai lain yang tersenarai. Nilai simbolik dalam kajian ini menyorot tentang kepentingan cara hidup dan budaya yang terbentuk setiap hari serta mengikut musim telah membentuk sebuah komuniti yang memiliki identiti dan jati diri yang tinggi. Penyelidikan ini turut menyimpulkan bahawa nilai warisan dapat berfungsi sebagai kerangka dalam pelan pemeliharaan petempatan tradisional sekali gus memberi kefahaman terhadap kepentingan warisan ketara dalam memastikan perancangan fizikal yang lebih terancang di masa hadapan.

**Katakunci:** modal sosial, nilai warisan, nilai simbolik, perpaduan komuniti, petempatan tradisional, pemeliharaan warisan

## **Symbolic values as social capital sustainability indicator for traditional settlement in Kuala Terengganu, Malaysia**

### **Abstract**

An in-depth understanding of the heritage value of a traditional settlement is important to form a cooperation coalition in producing a more strategic decision for the preservation of a traditional settlement. This is because the assessments of heritage values can help to identify wider the key values that contribute to the enhancement of the community. However, unstoppable threats to the physical environment in traditional settlements view as will erode heritage values all at once threaten the sustainability of social capital that has been formed for a long time. Therefore, using the integrated approach this research describes important heritage values of the local community that directly or indirectly involved in Kampung Pulau Duyong, Kuala Terengganu. The results showed that the symbolic value component received the highest cumulative average value while the economic value recorded as the lowest cumulative average value compared to the other three listed values. The symbolic value of this study highlights the importance of the way we live and the culture that is formed every day and by seasonal, that created a community which is of high identity and cooperation. This research concludes that heritage value can serve as a framework in traditional settlement preservation plan all at once provide insight into the importance of marked heritage that in ensuring a more planned physical planning in the future.

**Keywords:** social capital, heritage value, symbolic value, community unity, traditional settlement, heritage preservation

### **Pengenalan**

Sejarah awal pembentukan petempatan tradisional menunjukkan bermula dengan pembangunan petempatan di sepanjang pantai dan sungai. Perkembangan petempatan tradisional ini bermula dengan pembangunan beberapa kelompok buah rumah dan ruang-ruang awam seperti padang, masjid dan pasar (Syala et al., 2018) yang juga kini dikenalpasti sebagai satu jenis warisan ketara di petempatan tradisional. Petempatan tradisional merupakan sebuah petempatan yang terletak di kawasan desa, mempunyai ciri-ciri tradisional dari aspek karakter fizikal dan komunitinya masih mengekalkan aktiviti sosio budaya seperti aktiviti kemasyarakatan dan kebudayaan (PLANMalaysia, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, 2017). Manakala, warisan ketara merujuk kepada sesuatu yang kekal dilihat dan dipegang seperti tapak bersejarah, monumen, bangunan dan artifak yang mempunyai kepentingan kepada komuniti tempatan dan negara secara umumnya (Hassan, 2014; Mohd Yusoff, 2018). Setiap warisan ketara mempunyai makna yang signifikan dan nilai warisan seperti nilai seni bina, estetik, dan pendidikan, dimana ianya melambangkan keunikan dan kepentingannya kepada komuniti tempatan. Sebagai contoh, kepentingan warisan ketara dapat dilihat melalui salah satu fungsinya sebagai sumber penceritaan sejarah yang berkesan untuk generasi akan datang.

Sesungguhnya, kesedaran komuniti tempatan untuk menghargai dan memelihara warisan akan tercetus apabila menyedari makna dan nilai yang dimiliki oleh sesebuah warisan tersebut. Oleh itu, pemahaman yang mendalam mengenai nilai warisan bagi petempatan tradisional adalah

penting untuk membentuk satu gabungan kerjasama dalam menghasilkan sebuah keputusan yang lebih strategik (Chandani, Karuppanan, & Sivam, 2019) untuk pemeliharaan petempatan tradisional. Hal ini kerana, penilaian nilai warisan dapat membantu dalam mengenal pasti dengan lebih mendalam akan nilai-nilai penting yang menyokong kepada peningkatan perpaduan komuniti tempatan di petempatan tradisional. Selain itu, warisan ketara dapat dikatakan berperanan sebagai ciri-ciri fizikal penting yang melambangkan identiti dan keunikan bagi sesebuah petempatan tradisional (Yeoh & Kong, 1995) lantaran keupayaannya dalam mencetuskan pemahaman mengenai kesinambungan budaya (Utusan Borneo, Sabah, 2016) dan rasa kepunyaan bagi sesebuah komuniti tempatan (Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015).

Namun demikian, usaha-usaha untuk mewujudkan budaya modenisasi melalui pembangunan fizikal dilihat bakal menghakis nilai-nilai warisan sekali gus mengancam kelestarian modal sosial yang telah terbentuk sejak sekian lama. Sebagai contoh, projek penambakan kawasan pantai yang berlaku di Kampung Seberang Takir telah mengakibatkan perubahan yang sangat ketara terhadap persekitaran fizikal petempatan tersebut (Harun, `Adilah Hassan, & Tambi, 2020). Natiujahnya, nilai interaksi sosial komuniti tempatan semakin lenyap kerana kawasan yang kebiasaannya menjadi ruang sosial komuniti tempatan untuk berkumpul sudah dihilangkan untuk memberi laluan kepada pelaksanaan *Corniche Road Project*. Justeru, masalah ini disifatkan antara faktor utama yang membataskan kejayaan komuniti tempatan dalam pemeliharaan petempatan tradisional sehinggakan menghalang keberhasilan untuk membangunkan petempatan tradisional yang lestari.

Rentetan daripada isu terbabit, makalah ini berkepentingan dalam meningkatkan usaha pemeliharaan petempatan tradisional dengan menitikberatkan penilaian nilai-nilai warisan berdasarkan pendapat dan persepsi komuniti tempatan. Hal ini kerana, nilai warisan merupakan tonggak utama dalam mengekalkan serta memperkasakan kelestarian modal sosial agar kualiti kehidupan komuniti tempatan dapat ditingkatkan. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menghuraikan nilai-nilai warisan yang diiktiraf sebagai penting oleh komuniti tempatan agar aspirasi untuk membangunkan sebuah petempatan tradisional yang lebih lestari dapat dicapai. Bahagian pertama makalah ini akan membincangkan mengenai nilai warisan dan perkaitannya dengan modal sosial. Perkara ini adalah untuk menghuraikan cara pembentukan nilai warisan dapat mempengaruhi kelestarian modal sosial. Manakala bahagian kedua pula akan menjelaskan metodologi yang digunakan dalam mengenal pasti nilai-nilai warisan. Akhir sekali, makalah ini menghuraikan dapatan dan perbincangan kajian sebelum disimpulkan.

## **Kajian Pustaka**

### *Nilai warisan*

*“The Modern Cult of Monuments: Its Essence and Its Development”* merupakan sebuah karya yang dihasilkan oleh Alois Riege pada tahun 1996, dimana ianya merupakan penulisan pertama yang membahas dan menjelaskan mengenai nilai warisan. Semenjak itu, percambahan penyelidikan mengenai istilah nilai warisan telah banyak dijalankan oleh para sarjana yang merangkumi pelbagai disiplin kajian seperti Frey (1997), Mason (2002) dan *Burra Charter* (1999). Kepelbagaian penyelidikan dan penulisan ini telah menghasilkan sebuah badan ilmu yang mengesahkan mengenai kepentingan nilai warisan dalam meningkatkan usaha pemeliharaan warisan budaya (Díaz-andreu, 2017). Nilai warisan dalam konteks kajian ini

dirujuk sebagai satu rangkaian makna dan nilai positif yang diberikan dan difahami oleh individu atau kumpulan terhadap sesebuah warisan termasuk artifak, bangunan, tapak arkeologi dan tradisi (Mason, 2002; Díaz-andreu, 2017; Chandani et al., 2019). Berdasarkan definisi tersebut, dapat disimpulkan bahawa adalah tidak mustahil untuk mengaitkan sesebuah warisan dengan lebih dari satu nilai. Hal ini kerana, warisan mempunyai dan menggambarkan kepelbagaian nilai. Sebagai contoh, sebuah masjid menggambarkan nilai keagamaan kerana berfungsi sebagai tempat ibadah, nilai estetik pula dinilai berdasarkan kecantikan bangunan masjid tersebut dan nilai seni bina pula kerana masjid mempunyai reka bentuk yang menarik.

Sesungguhnya, masyarakat pada hari ini dilihat tidak menghargai dan menyedari akan kepentingan warisan budaya yang diwarisi oleh generasi yang terdahulu (Firmansyah & Fadlilah, 2016). Hal ini jika tidak dibendung pasti akan menyebabkan warisan budaya tempatan (kawasan, bangunan dan tradisi) semakin terhakis dan lenyap di arus masa. Oleh yang demikian, kefahaman yang mendalam amat diperlukan untuk memahami makna, fungsi dan kepentingan nilai agar pemeliharaan warisan khususnya dari kelompok warisan ketara dapat dilakukan dengan lebih proaktif, tersusun dan progresif. Perkara ini perlu dilakukan melalui pemahaman yang terperinci mengenai konteks kawasan serta sosio budaya (Mason, 2002) yang berkaitan dengan petempatan tradisional. Sosio budaya yang difahami berdasarkan konteks makalah ini adalah amalan gaya hidup komuniti tempatan yang dipengaruhi oleh faktor sosial, ekonomi, dan persekitaran petempatan yang mendorong komuniti tempatan untuk menjalankan kewajipan sosial terhadap persekitaran. Sebagai contoh, sikap saling tolong-menolong dan bekerjasama yang diamalkan oleh komuniti tempatan dalam sebarang aktiviti yang dianjurkan merupakan kewajipan yang terzahir daripada kepercayaan dan rasa amanah terhadap persekitaran sosial. Oleh itu, pemahaman terhadap hubungan kait antara pemeliharaan warisan ketara serta masyarakat sesebuah petempatan ini dapat memberikan pendedahan yang lebih jelas dan tepat mengenai kehidupan harian penduduk serta pergantungan terhadap warisan ketara yang ada di sekitar petempatan (Chandani et al., 2019). Kesannya, kefahaman ini dapat menghasilkan sebuah keputusan yang lebih strategik dalam meningkatkan usaha pemeliharaan petempatan tradisional.

Kepelbagaian tipologi nilai warisan telah dihasilkan oleh ramai para sarjana dan organisasi, yang mempunyai cara dan perspektif yang berbeza dalam menghuraikannya. Sebahagian daripada tipologi nilai warisan diringkaskan seperti yang tertera dalam Jadual 1. Walau bagaimanapun, limitasi makalah ini hanya memfokuskan kepada nilai simbolik yang terkait dengan petempatan tradisional. Berdasarkan kajian pustaka yang dijalankan, didapati penyelidikan mengenai nilai simbolik dalam konteks pemeliharaan petempatan tradisional agak tidak menyeluruh serta kurang mendapat tempat dalam perbincangan para sarjana yang lain. Justeru, makalah ini menghuraikan secara terperinci mengenai nilai simbolik kerana ia dilihat berperanan dapat memberikan maksud yang lebih mendalam atau tersirat terhadap sesuatu. Maksud tersirat ini menurut Devine-Wright & Lyons (1997) serta Gustafson (2001) bukan sekadar melibatkan ilmu tentang sesuatu tetapi ia turut mempengaruhi emosi yang dapat meninggalkan kesan psikologi yang mendalam terhadap seseorang individu. Bagi tujuan ini, makalah ini bertujuan mengenal pasti nilai simbolik yang wujud di Kampung Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Huraian yang lebih terperinci mengenai nilai simbolik akan dijelaskan dalam subtopik yang seterusnya.

**Jadual 1.** Tipologi nilai warisan

Pengarang/Akta / Piagam	Reigl (1996)	Frey (1997)	Piagam Burra (1999)	Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645) (2005)	Piagam NZ (2010)	Australia ICOMOS (2013)
<b>Nilai</b>	Umur Sejarah Peringatan Penggunaan Baharu	Kewangan Pilihan Kewujudan Warisan Prestij Pendidikan	Estatik Bersejarah Saintifik Sosial	Estatik Arkeologi Seni bina Kebudayaan Sejarah Saintifik Sosial Rohani Linguistik Teknologi	Estatik Arkeologi Seni bina Peringatan Tradisional Fungsi Sejarah Teknologi Lanskap Monumental Rohani Saintifik Sosial Simbolik Atau apa-apa nilai ketara/tidak ketara yang lain	Estatik Bersejarah Saintifik Sosial (termasuk nilai kerohanian, politik, kebangsaan dan budaya)

Sumber: Adaptasi dari Mason (2002); Bakri, Ibrahim, Ahmad, & Qamaruz Zaman, (2015); Chandani, Karuppannan, & Sivam, (2019)

### *Hubungkait antara nilai simbolik dan kelestarian modal sosial*

Modal sosial dirujuk sebagai ciri-ciri organisasi sosial seperti amanah, norma-norma dan rangkaian sosial yang dapat meningkatkan kerjasama dan perpaduan antara komuniti (Putnam et al., 1993). Manakala, nilai simbolik pula didefinisikan sebagai serangkaian makna dan nilai yang dikaitkan dengan sesuatu objek dalam konteks budaya yang tertentu (Ravasi & Rindova, 2008; Ekström, 2011). Dalam konteks makalah ini, istilah objek tersebut dapat diinterpretasikan sebagai petempatan tradisional yang memiliki dan menggambarkan makna serta nilai yang signifikan sehingga dapat menyumbang kepada pembentukan identiti petempatan tersebut. Namun, makna dan nilai tidak dapat dihasilkan tanpa kehadiran dan interaksi komuniti yang berfungsi sebagai pelaku sosial (Aksan, Kisac, Aydin, & Demirbucen, 2009). Oleh itu, petempatan (medium) dan komuniti (pelaku sosial) merupakan dua entiti penting yang bergantung antara satu sama lain kerana interaksi tersebut mempengaruhi pembentukan nilai simbolik.


Berdasarkan hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh pengasas interaksi simbolik Blumer (1969), makalah ini menemui dua elemen penting yang dapat menguatkan pembentukan nilai-simbolik iaitu: 1) warisan ketara dan 2) kepelbagaian aktiviti.

Setiap petempatan tradisional mempunyai warisan ketara yang signifikan, dimana mempengaruhi pembentukan identiti sekali gus dapat menonjolkan keunikan bagi sesebuah petempatan tradisional. Hal ini kerana, warisan ketara yang dipelihara dengan baik akan memberikan imej dan identiti yang berbeza selain mewujudkan perasaan keterikatan komuniti tempatan terhadap petempatan (Ripp, 2011). Komuniti tempatan selalunya akan berbangga

dengan warisan ketara yang dimiliki kerana ianya membawa kepada pembangunan identiti yang kolektif bagi komuniti tempatan. Perkara ini secara tidak langsung melahirkan komuniti yang mempunyai kesedaran untuk meneruskan kesinambungan warisan budaya yang diwarisi oleh generasi yang terdahulu.

Seterusnya, makalah ini juga menyorotkan bahawa nilai simbolik dapat diuraikan melalui kepelbagaian aktiviti yang merangkumi aktiviti harian, bermusim dan tahunan. Setiap kategori aktiviti ini memainkan peranan yang penting kerana ianya merupakan pemangkin kepada interaksi komuniti tempatan. Sebagai contoh, aktiviti harian yang dilakukan secara berterusan seperti bersarapan di warung atau berkumpul di jeti lama kelamaan akan mewujudkan makna dan nilai kepada setiap pelaku sosial. Perkara ini bertepatan dengan kenyataan Korgen & White (2008) yang menjelaskan interaksi aktiviti seharian dapat mempengaruhi aktiviti pelaku sosial yang akhirnya menghasilkan makna kepada mereka.

Justeru, makalah ini menyimpulkan bahawa kepelbagaian aktiviti dan warisan ketara yang wujud di petempatan tradisional merupakan elemen-elemen yang mempengaruhi kelangsungan nilai simbolik. Hal ini kerana, kedua-dua elemen ini telah membentuk identiti, keunikan serta mewujudkan perasaan untuk tidak mahu kehilangan akan warisan budaya dan gaya hidup yang dimiliki, dimana akhirnya menyumbang kepada kelestarian modal sosial komuniti tempatan di petempatan tradisional. Keterkaitan antara pembolehubah-pembolehubah digambarkan dalam rajah 1.



Sumber: Pengarang

**Rajah 1.** Rajah menunjukkan hubungkait tiga komponen dalam membentuk nilai simbolik bagi mencapai kelestarian modal sosial

## Metod

Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan dengan mengadaptasikan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mengenal pasti nilai warisan yang mempengaruhi kelestarian modal sosial di petempatan tradisional. Data yang dikumpulkan melalui teknik kaji selidik dan temu bual semi-struktur telah dilakukan di Kampung Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Pemilihan petempatan tradisional ini dibuat berdasarkan empat faktor iaitu: i) kampung tradisional yang telah wujud sebelum atau semasa zaman penjajah British, ii) kampung yang tergolong dalam kategori Negeri Melayu Tidak Bersekutu dimana kampung tersebut tidak menerima campur tangan pihak British

dalam proses pembangunan, iii) komuniti tempatan masih menjalankan gaya hidup tradisional dan iv) kampung yang mempunyai ciri-ciri fizikal dan budaya yang unik.

Teknik kaji selidik silang telah diaplikasikan untuk mengenal pasti nilai warisan yang amat penting bagi komuniti tempatan. Secara khususnya, kaji selidik silang dapat meneroka sikap dan tingkah laku manusia (Mathers et al., 2007; Singleton & Straits, 2009). Dalam konteks makalah ini, kaji selidik silang digunakan untuk mengetahui sikap dan persepsi responden terhadap nilai warisan yang dianggap penting dalam meningkatkan kelestarian modal sosial komuniti tempatan. Instrumen kaji selidik dibahagikan kepada empat bahagian dengan soalan yang terdiri daripada soalan terbuka dan skala *Likert*. Instrumen tersebut telah diedarkan sebanyak 200 set borang kepada komuniti tempatan yang berusia sekitar 21-65 tahun. Selain itu, kajian ini juga mengaplikasikan platform program berasaskan internet iaitu *Google Form*. Oleh itu, pautan kaji selidik ini disebarkan kepada komuniti tempatan yang tinggal atau pun berasal dari Kampung Pulau Duyong melalui medium media sosial seperti *Facebook* dan *Whatsapp*. Walau bagaimanapun, kadar maklum balas yang diperolehi sangat rendah iaitu hanya 81 orang responden sahaja yang menjawab dengan lengkap semua soalan kaji selidik tersebut.

Bagi memenuhi kelompongan dan menyokong respon yang diperolehi daripada kaji selidik, temu bual semi-struktur telah dijalankan dalam kalangan komuniti tempatan iaitu seramai 24 orang informan yang terlibat. Teknik ini digunakan untuk mendapatkan maklum balas lebih terperinci daripada beberapa wakil komuniti tempatan untuk membolehkan pendirian dan persepsi (Alshenqeeti, 2014) mengenai nilai warisan yang dianggap penting. Informan yang dipilih terdiri daripada komuniti tempatan yang tinggal di Kampung Pulau Duyong lebih dari 20 tahun. Hal ini untuk mengaitkan dan meneroka pendapat berkaitan dengan rangkaian sosial yang wujud di petempatan itu. Ini bermakna, persampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah diadaptasi bagi pemilihan informan untuk kaedah temu bual. Soalan temu bual semi-struktur dikategorikan kepada empat bahagian iaitu: i) latar belakang informan, ii) jenis warisan ketara yang ada di petempatan mereka, iii) kepelbagaian aktiviti yang dijalankan diruang warisan ketara dan iv) kategori nilai warisan yang dibahagikan kepada lima nilai iaitu: nilai ekonomi, simbolik, pendidikan, interaksi sosial dan estatik. Jenis-jenis nilai warisan diperolehi berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh The Allen Consulting Group (2005) dan Piagam New Zealand (2010). Maklum balas daripada informan direkodkan dalam dua medium iaitu tulisan dalam bentuk wawancara dan rakaman audio.

**Jadual 2.** Jumlah responden dan informan

Teknik kajian	Jumlah responden & informan		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Kaji selidik	39	42	81
Temu bual semi-struktur	19	05	24
Jumlah	58	47	105

Sumber: Pengarang

## Dapatan kajian

### *Persepsi komuniti tempatan terhadap kepentingan nilai warisan*

Makalah ini menyenaraikan lima jenis nilai warisan iaitu: 1) nilai ekonomi, 2) nilai simbolik, 3) nilai pendidikan, 4) nilai interaksi sosial dan 5) nilai estatik. Berdasarkan data yang diperolehi

dari kaedah kaji selidik, nilai purata kumulatif bagi setiap nilai warisan adalah seperti berikut: nilai ekonomi (4.110), nilai simbolik (4.503), nilai pendidikan (4.460), nilai interaksi sosial (4.431) dan nilai estetik (4.470). Data empirikal merekodkan bahawa komponen nilai simbolik memperoleh nilai purata kumulatif yang tertinggi bagi Kampung Pulau Duyong, dimana nilai ini diwakili oleh kekuatan identiti dan keunikan sesebuah petempatan tradisional. Nilai simbolik ialah makna dan nilai yang dimiliki oleh petempatan tradisional yang dapat meningkatkan identiti budaya komuniti tempatan.



Sumber: Pengarang

**Rajah 2.** Kota Lama Duyong merupakan salah satu warisan ketara yang menjadi tarikan pelancong

Dalam konteks makalah ini, kedudukan strategik Kampung Pulau Duyong yang terletak diantara Kampung Seberang Takir dan Bandaraya Kuala Terengganu telah menjadikan petempatan tradisional nelayan ini terkenal sebagai pusat pembinaan bot-bot tradisional dan kapal layar sehingga kini (Rajah 3). Warisan ketara yang masih dipelihara ini merupakan salah satu identiti istimewa Kampung Pulau Duyong sehinggakan petempatan ini dikenali sehingga peringkat antarabangsa. Selain itu, Kampung Pulau Duyong juga dikenali kerana mempunyai sebuah kota lama (Kota Lama Duyong) yang berperanan sebagai pusat perkembangan ilmu Islam yang dipelopori oleh Wan Abdullah Wan Amin (Tok Syeikh Duyong). Pada awal sejarah kegemilangannya, Kota Lama Duyong tidak terhad kepada sebuah institusi perkembangan Islam sahaja, bahkan turut menjadi pusat perbincangan hal ehwal perundangan dan perdagangan negeri. Oleh yang demikian, Kota Lama Duyong bukan sahaja telah meyumbang kepada pembentukan identiti dan keunikan petempatan tradisional ini, namun secara tidak langsung ianya turut berperanan penting dalam pembentukan identiti Negeri Terengganu sehinggakan mendapat jolokan sebagai Terengganu Darul Iman.



Sumber: Pengarang

**Rajah 3.** Deretan bot yang terdapat di jeti Kampung Pulau Duyong



**Jadual 3.** Jenis penilaian warisan

Nilaian Utama	Jenis-Jenis Nilaian	Nilaian-Nilaian Sokongan	Nilai Purata	Nilai Purata Kumulatif	
Nilaian Penggunaan Langsung	Nilai Ekonomi	Meningkatkan ekonomi penduduk	4.14	4.110	
		Memberikan peluang pekerjaan	4.09		
		Menjadi kawasan pelancongan	4.27		
		Menjadi kawasan rekreasi	4.04		
		Menjadi pusat perniagaan/komersial	4.01		
Nilaian Penggunaan Tidak Langsung	Nilai Simbolik	Menjadi identiti petempatan tradisional	4.48	4.503	
		Menjadikan petempatan tradisional unik	4.57		
		Merasa sedih dengan kehilangannya	4.46		
	Nilai Pendidikan		Penting sebagai pendidikan generasi muda	4.38	4.460
			Penting untuk kesedaran asal usul generasi kini	4.43	
			Penting untuk tatapan generasi akan datang	4.46	
			Wajar dikekalkan sebagai ilmu generasi kini	4.57	
	Nilai Interaksi Sosial		Mencerminkan identiti masyarakat tempatan	4.43	4.431
			Menyediakan ruang untuk masyarakat beramah mesra	4.38	
			Meluaskan jaringan sosial masyarakat tempatan dengan masyarakat luar	4.47	
			Menguatkan jaringan sosial antara masyarakat tempatan	4.41	
			Mewujudkan masyarakat harmoni	4.43	
			Mewujudkan kesinambungan budaya	4.48	
Menjadi tempat penyatuan masyarakat			4.54		
Dapat meningkatkan jati diri penduduk			4.46		
Mengekalkan tradisi masyarakat			4.28		
Nilai Estetik				Dapat mencantikkan petempatan tradisional	
	Meningkatkan kemudahan infrastruktur	4.47			

Sumber: Pengarang

Disamping itu, nilai-nilai simbolik juga terbentuk berdasarkan makna dan pengaruh aktiviti-aktiviti penting yang berlaku di petempatan tradisional. Perkara ini dapat dikaitkan dengan kepelbagaian aktiviti yang dijalankan oleh komuniti tempatan di Kampung Pulau Duyong. Aktiviti-aktiviti tersebut diklasifikasikan kepada tiga kategori, iaitu: 1) aktiviti harian, 2) aktiviti bermusim dan 3) aktiviti tahunan. Jadual 4 menunjukkan antara contoh aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh komuniti tempatan, di mana mereka mempercayai bahawa aktiviti-aktiviti tersebut dapat menghasilkan makna yang simbolik terhadap petempatan tradisional mereka. Hal ini kerana Kampung Pulau Duyong diibaratkan sebagai arena untuk melaksanakan pelbagai aktiviti mahu pun festival yang berlangsung di kebanyakan ruang-ruang awam seperti jeti, surau dan warung.

**Jadual 4.** Kategori aktiviti

No.	Kategori aktiviti	Contoh aktiviti
1	Aktiviti harian	-Bersiar-siar di jeti dan pesisir sungai -Bersarapan di warung-warung -Berkumpul dan bersembang di halaman rumah dan ruang-ruang sosial
2	Aktiviti bermusim	-Maulud Rasul -Nuzul Quran -Qurban -Majlis berkhatan
3	Aktiviti tahunan	- <i>Duyong Art Festival</i> (DAF) -Duyong:Kenangan Lalu Mengusik Jiwa -Poskad ke Duyong -Malam Jatuh di Pulau Duyong

Sumber: Pengarang

Berdasarkan data yang dikumpulkan, terdapat pelbagai aktiviti harian yang dijalankan oleh komuniti tempatan. Aktiviti harian seperti bersarapan pagi di warung-warung merupakan salah satu interaksi penting komuniti tempatan untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Selain bersarapan, komuniti tempatan kebiasaannya akan memanfaatkan peluang ini untuk berjumpa dan berkumpul bersama kawan-kawan. Bukan itu sahaja, mereka juga menggunakan medium ini untuk membincangkan mengenai isu-isu semasa dan berita penting yang berkaitan dengan petempatan mereka. Melalui sesi temu bual yang dijalankan bersama seorang informan lelaki iaitu komuniti tempatan yang berusia 33 tahun, menggambarkan warung seperti berikut:

*“Pada pendapat saya, warung merupakan ruang awam yang berfungsi sebagai tempat permuafakatan untuk komuniti tempatan. Warung bukan sahaja dilihat sebagai tempat makan, malah ianya membawa makna yang lebih daripada itu”.*



Sumber: Pengarang

**Rajah 4.** Salah satu warung yang menjadi tumpuan komuniti tempatan untuk bersarapan

Selain warung, terdapat beberapa lagi warisan ketara yang berfungsi sebagai ruang-ruang sosial penting yang digunakan sepenuhnya oleh komuniti tempatan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti harian. Disebabkan faktor geografi Kampung Pulau Duyong yang terletak di tengah muara Sungai Terengganu, komuniti tempatan memanfaatkan kawasan pesisir sungai dan jeti sebagai ruang sosial untuk berinteraksi antara satu sama lain. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, terdapat beberapa kawasan di pesisir sungai yang disediakan bangku dan wakaf oleh komuniti tempatan untuk menampung aktiviti-aktiviti harian mereka seperti bersantai sambil menikmati panorama indah di tepi sungai. Kebiasaannya, komuniti tempatan akan memenuhi kawasan tersebut pada waktu petang, samada untuk bersiar-siar ataupun bermain dam aji beramai-ramai. Seorang komuniti tempatan yang berbangsa Melayu berumur 60 tahun, merupakan pengujung tetap kawasan tersebut, berkata:

*“Saya akan datang ke sini setiap hari untuk bertemu dan berinteraksi bersama kawan-kawan selain menghabiskan masa saya untuk menikmati pemandangan sambil menikmati bayu laut”.*



Sumber: Pengarang

**Rajah 5.** Antara ruang sosial yang terletak di pesisir sungai

Sementara itu, aktiviti bermusim juga antara penyumbang kepada pembentukan nilai simbolik bagi komuniti Kampung Pulau Duyong. Antara aktiviti bermusim yang aktif dianjurkan oleh komuniti tempatan ialah ibadah Qurban yang dilakukan pada tanggal 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah pada setiap tahun. Sepanjang aktiviti tersebut berlangsung, komuniti tempatan saling bergotong-royong dan berkerjasama dalam memainkan peranan masing-masing untuk memastikan aktiviti tersebut berjalan dengan lancar. Ketua kampung yang berumur 61 tahun, memberikan respon yang berikut apabila ditanya mengenai kemeriahan semasa aktiviti tersebut dilaksanakan:

*“Setiap tahun ibadah Quran akan dilaksanakan di masjid untuk memudahkan segala urusan yang berkaitan. Bagi pihak yang terlibat, mereka akan berkumpul di masjid pada awal pagi untuk sama-sama melakukan ibadah Qurban. Komuniti tempatan yang terlibat memberikan kerjasama yang sepenuhnya sepanjang aktiviti tersebut berlangsung, secara tidak langsung aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan antara kami semua”.*



Sumber: Instagram Pulau Duyong

**Rajah 6.** Kerjasama antara komuniti tempatan dapat dilihat sepanjang aktiviti ini berlangsung



Sumber: Instagram Pulau Duyong

**Rajah 7.** Sebahagian komuniti tempatan ditugaskan untuk melapah daging untuk memudahkan proses pembahagian

Walau bagaimanapun, terdapat aktiviti yang sangat signifikan yang merupakan penyumbang utama kepada kewujudan nilai simbolik bagi komuniti tempatan. Aktiviti yang dimaksudkan ialah aktiviti tahunan seperti *Duyong Art Festival* (DAF). DAF merupakan sebuah festival kebudayaan yang dikenalpasti sebagai acara paling berjaya yang pernah dianjurkan oleh komuniti tempatan. Pada awal penganjurannya pada tahun 2015, festival ini hanya diuruskan oleh komuniti tempatan sepenuhnya. Festival kebudayaan ini dianjurkan bertujuan mengembalikan nostalgia dan kemeriahan suasana petempatan tradisional sekali gus mempromosikan Kampung Pulau Duyong sebagai petempatan tradisional yang memiliki nilai-nilai warisan yang sangat bernilai. Festival ini berlangsung selama sebulan dimana acara kemuncak diadakan selama tiga hari berturut-turut. Sepanjang festival tersebut berlangsung, terdapat pelbagai aktiviti kebudayaan dan aktiviti tradisional yang disusun oleh pihak penganjur yang diadakan dikebanyakan ruang-ruang awam seperti padang, jeti dan Kota Lama Duyong. Antara aktiviti yang ditunggu-tunggu oleh para pengunjung ialah persembahan muzik dan puisi, pertandingan fotografi, pertandingan bot berhias, pertunjukan wayang kulit dan sukaneka. Festival ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada komuniti tempatan. Temubual bersama salah seorang penganjur yang berusia 33 tahun, menggambarkan kerjasama komuniti tempatan dalam DAF seperti berikut:

*“Kebanyakan komuniti tempatan secara sukarela membantu dan bekerjasama dalam menyediakan tempat-tempat untuk DAF. Sebelum festival dilaksanakan, sesetengah dari mereka akan melakukan gotong-royong membersihkan kawasan sekitar petempatan termasuklah kawasan jeti bagi memastikan kawasan-kawasan tersebut sedia digunakan untuk aktiviti-aktiviti semasa festival nanti”.*

Bukan itu sahaja, festival ini juga turut mendapat sokongan positif daripada seluruh rakyat Malaysia. Hal ini kerana, institusi-institusi, individu perseorangan dan badan bukan kerajaan berkolaborasi bersama pengajur untuk menjayakan DAF. Sebagai contoh, pelajar-pelajar dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) merupakan antara sukarelawan yang turut bekerjasama dan membantu penganjur untuk melancarkan DAF.

Sepanjang tempoh penganjurannya, DAF telah memberikan impak yang besar bukan sahaja kepada komuniti tempatan bahkan juga kepada masyarakat luar secara keseluruhannya. Hasilnya, pada tahun ketiga penganjurannya, DAF mendapat pengiktirafan daripada agensi kerajaan sehingga disenaraikan dalam kalendar aktiviti-aktiviti melawat Terengganu. Pengiktirafan ini menunjukkan bahawa DAF merupakan aktiviti tahunan yang menjadi identiti dan keunikan Kampung Pulau Duyong kerana tiada aktiviti seumpamanya yang dianjurkan di petempatan-petempatan tradisional yang lain.



Sumber: Instagram Pulau Duyong

**Rajah 8.** Peserta-peserta dari luar dan dalam negeri yang terlibat dalam menjayakan DAF



Sumber: Instagram Pulau Duyong

**Rajah 9.** Tarian tradisional yang dipersembahkan di pentas Pohon Kemboja

## Perbincangan

Makalah ini menghasilkan sebuah dapatan yang relevan untuk menyumbang kepada usaha pemeliharaan petempatan tradisional, Kampung Pulau Duyong dengan menilai pendapat dan persepsi komuniti tempatan terhadap nilai-nilai warisan. Terdapat lima nilai warisan yang disenaraikan iaitu nilai ekonomi, nilai simbolik, nilai pendidikan, nilai interaksi sosial dan nilai

estatik. Walaubagaimana pun, dapatan yang diperolehi menunjukkan nilai simbolik berada pada kedudukan yang tertinggi sekali gus merupakan nilai yang dianggap paling penting bagi komuniti tempatan. Penilaian nilai warisan oleh komuniti tempatan merupakan kaedah yang penting untuk menghasilkan sebuah keputusan yang tepat dalam proses pemeliharaan petempatan tradisional. Perkara ini juga dapat membantu dalam menyelesaikan perselisihan yang berlaku semasa proses pemeliharaan petempatan tradisional serta dapat mengurangkan masalah penglibatan komuniti tempatan dalam proses tersebut (Deghati Najd, Ismail, Maulan, Mohd Yunos, & Dabbagh Niya, 2015).

Dalam pada itu, dapatan yang diperolehi menyorotkan bahawa aspek sejarah warisan ketara merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada pembentukan nilai simbolik di Kampung Pulau Duyong. Setiap petempatan mempunyai sejarahnya yang tersendiri, dimana menjadikannya berbeza berbanding petempatan-petempatan tradisional yang lain (Yeoh & Kong 1995). Hal ini dapat dihuraikan dengan persepsi komuniti tempatan yang merasakan petempatan mereka unik disebabkan oleh sejarah kewujudan Kampung Pulau Duyong yang bermula dengan pembentukan Kota Lama Duyong. Keunikan ini telah menjadikan komuniti tempatan berasa berbangga dan beruntung dengan warisan budaya yang dimiliki. Manifestasi keunikan ini juga telah mewujudkan identiti petempatan tradisional sehingga membentuk jati diri mereka hingga kini, akhirnya dapat meningkatkan kelestarian modal sosial mereka.

Selain itu, makalah ini juga menyifatkan pembentukan nilai simbolik terhasil daripada makna dan pengaruh setiap kategori aktiviti yang dijalankan oleh komuniti tempatan. Kampung Pulau Duyong mempunyai karakter fizikal menarik yang dapat menampung kepelbagaian aktiviti dimana setiap aktiviti tersebut dijalankan di ruang warisan ketara yang wujud di kampung ini. Ruang-ruang warisan ketara seperti warung, halaman rumah, jeti, kawasan pesisir sungai, masjid dan padang mempunyai fungsi yang signifikan kerana memainkan peranan sebagai ruang sosial untuk komuniti tempatan menjalankan aktiviti-aktiviti harian, bermusim dan tahunan. Cara hidup dan budaya yang terhasil daripada integrasi dan penglibatan komuniti melalui kepelbagaian aktiviti yang berterusan dapat membentuk identiti tersendiri bagi komuniti tempatan. Hal ini kerana, aktiviti-aktiviti yang dilakukan secara berterusan seperti berkumpul dan bersantai di kawasan pesisir sungai dapat mewujudkan perasaan kepunyaan (*sense of belonging*), rasa ketempatan (*sense of place*) dan perasaan keterikatan (*attachment*) yang kuat kepada kawasan tersebut (Sakhaeifar & Ghoddisifar, 2016; Ahn, 2017). Hal ini membuktikan bahawa ruang warisan ketara mempunyai makna dan nilai yang tersendiri kepada komuniti tempatan. Secara tidak langsung perkara ini telah menggambarkan kekuatan modal sosial komuniti tempatan yang terhasil daripada kualiti aktiviti-aktiviti tersebut sehingga dapat melahirkan perasaan keterikatan untuk terus memelihara serta melindungi keunikan dan eksklusiviti identiti tempatan.

Disamping itu juga, kejayaan aktiviti tahunan terutamanya DAF yang dianjurkan oleh *Duyong Art Gallery* merupakan bukti kukuh dalam menggambarkan pembentukan nilai simbolik di kawasan kajian. Berdasarkan analisis yang dilakukan, aktiviti-aktiviti kebudayaan dan tradisional yang disusun oleh pihak penganjur sepanjang tempoh penganjuran DAF, telah menonjolkan kepelbagaian warisan budaya dan keunikan tradisi yang wujud di Kampung Pulau Duyong. Sesungguhnya, kejayaan festival tahunan ini dapat memberikan kelebihan kepada komuniti tempatan dalam mempromosikan Kampung Pulau Duyong kepada masyarakat luar. Hasilnya, festival ini secara tidak langsung telah melonjakkan nama Kampung Pulau Duyong sebagai petempatan tradisional yang mempunyai identiti dan keunikan aktiviti yang tersendiri. Selain itu, perkara ini bertepatan dengan konsep modal sosial yang menggariskan kepentingan pembentukan identiti melalui jaringan sosial yang terjalin daripada hubungan komuniti tempatan

dan masyarakat luar sepanjang festival tersebut berlangsung. Identiti tempatan yang dicermikan melalui festival ini memainkan peranan penting kepada petempatan tradisional kerana ia menggambarkan kepelbagaian, keseimbangan dan kekayaan warisan budaya komuniti tempatan. Perkara ini selari dengan dapatan kajian yang dihasilkan oleh (Getz, 2010), menyorotkan bahawa festival sosial dan kebudayaan dapat memberikan impak besar kepada pembentukan identiti komuniti tempatan. Tuntasnya, makalah ini menyimpulkan bahawa aktiviti-aktiviti seumpama ini memainkan peranan yang besar dalam pembentukan nilai simbolik komuniti tempatan sekali gus ianya dapat meningkatkan kelestarian modal sosial mereka.

## **Kesimpulan**

Kewujudan pembangunan fizikal yang bakal mencetuskan budaya modenisasi akan mengakibatkan nilai-nilai warisan terhakis serta melenyapkan kelestarian modal sosial komuniti tempatan. Ancaman terhadap nilai warisan di petempatan tradisional dilihat agak membimbangkan apabila usaha dan inisiatif pihak berkuasa untuk melindungi warisan budaya masih berada diperingkat awal. Jika arah aliran begini masih berterusan, tidak mustahil identiti dan keunikan petempatan tradisional bakal lenyap di arus masa. Oleh kerana isu ini dilihat semakin membimbangkan, pihak yang berwajib digesa untuk melaksanakan inisiatif yang lebih strategik iaitu dengan menjadikan pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up*) sebagai dasar utama semasa proses pemeliharaan petempatan tradisional dilaksanakan kelak. Salah satunya adalah dengan mengambil kira pandangan dan persepsi komuniti tempatan terhadap nilai warisan yang dianggap penting oleh mereka.

Oleh itu, dapatan empirikal nilai warisan yang diperolehi dalam makalah ini diharapkan dapat menjadi panduan serta memberikan pencerahan dan pemahaman yang lebih jelas kepada semua pihak yang terlibat (agensi kerajaan, ahli akademik, organisasi bukan kerajaan dan komuniti tempatan) mengenai kepentingan nilai simbolik agar identiti dan keunikan petempatan tradisional terus terpelihara. Maka, tidak mustahil perkara ini akan mendorong khususnya komuniti tempatan untuk menghargai serta memelihara warisan budaya yang dimiliki dengan lebih baik sekali gus dapat mempengaruhi modal sosial komuniti tempatan. Perkara ini menunjukkan bahawa nilai simbolik merupakan antara mekanisma yang penting dalam mewujudkan kelestarian modal sosial di petempatan tradisional. Justeru, dapat disimpulkan bahawa usaha pemeliharaan yang mengambil kira nilai warisan petempatan tradisional akan meningkatkan kelestarian modal sosial, yang seterusnya bakal menghasilkan kualiti hidup yang tinggi bagi komuniti tempatan.

## **Penghargaan**

Penghargaan kepada Geran Penyelidikan DCP: 2017-008/4 yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MOHE). Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini terutamanya kepada pihak Lembaga Muzium Negeri Terengganu dan *Duyong Art Gallery* di atas kerjasama sepanjang pengumpulan data untuk kajian ini.



## Rujukan

- Ahn, M. Y. (2017). Sense of belonging as an indicator for social capital: a mixed methods analysis of students' sense of belonging to university (Doctoral dissertation, Prifysgol Bangor University).
- Aksan, N., Kisac, B., Aydin, M., & Demirbukan, S. (2009). Symbolic interaction theory. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 1(1), 902–904. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2009.01.160>
- Alshenqeeti, H. (2014). Interviewing as a data collection method: A critical review. *English Linguistics Research*, 3(1), 39–45. <https://doi.org/10.5430/elr.v3n1p39>
- Australia ICOMOS (2013), "The Burra Charter: the Australia ICOMOS Charter for Places of Cultural Significance", Retrieved from <http://australia.icomos.org/wp-content/uploads/The-Burra-Charter-2013-Adopted-31.10.2013.pdf>
- Bakri, A. F., Ibrahim, N., Ahmad, S. S., & Qamaruz Zaman, N. (2015). Valuing built cultural heritage in a Malaysian urban context. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 170, 381-389.
- Blumer, H. (1969). Symbolic interactionism: Perspective and method. Berkeley.
- Chandani, K. C., Karuppanan, S., & Sivam, A. (2019). Assessing the values of living heritage sites in Kathmandu Valley: A community perspective. *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development*, 9(1), 93–110. <https://doi.org/10.1108/JCHMSD-05-2018-0032>
- Charter, B. (1999). The Burra Charter: The Australia ICOMOS Charter for Places of Cultural Significance.
- Deghati Najd, M., Ismail, N. A., Maulan, S., Mohd Yunos, M. Y., & Dabbagh Niya, M. (2015). Visual preference dimensions of historic urban areas: The determinants for urban heritage conservation. *Habitat International*, 49, 115–125. <https://doi.org/10.1016/J.HABITATINT.2015.05.003>
- Devine-Wright, P., & Lyons, E. (1997). Remembering pasts and representing places: The construction of national identities in Ireland. *Journal of Environmental Psychology*, 17(1), 33–45. <https://doi.org/10.1006/JEVP.1996.0037>
- Díaz-andreu, M. (2017). Heritage Values and the Public Heritage Values and the Public. *Journal of Community Archaeology & Heritage*, 4(February), 2–6. <https://doi.org/10.1080/20518196.2016.1228213>
- Ekström, K. (2011). Symbolic value. In D. Southerton (Ed.), *Encyclopedia of consumer culture* (Vol. 1, pp. 1421-1422). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, Inc. doi: 10.4135/9781412994248.n533
- Firmansyah, F., & Fadlilah, K.U. (2016). Improvement of Involvement Society in the Context of Smart Community for Cultural Heritage Preservation in Singosari. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 227(2015), 503–506. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.06.107>
- Frey, B. S. (1997). The evaluation of cultural heritage: some critical issues. In *Economic perspectives on cultural heritage* (pp. 31-49). Palgrave Macmillan, London.
- Getz, D. (2010). The Nature and Scope of Festival. *International Journal of Event Management Research*, 5(1), 1–47.
- Gustafson, P. (2001). Roots and routes: Exploring the relationship between place attachment and mobility. *Environment and Behavior*, 33(5), 667–686. <https://doi.org/10.1177/00139160121973188>

- Harun, N. Z., `Adilah Hassan, N., & Tambi, N. (2020). Preventive Measures and Formulas for the Sustainability of Vernacular Settlements in Malaysia. In G. A. M. Suartika & J. Nichols (Eds.), *Reframing the Vernacular: Politics, Semiotics, and Representation* (pp. 213–224). Cham: Springer International Publishing.
- Hassan, F. (2014). Tangible Heritage in Archaeology. In C. Smith (Ed.), *Encyclopedia of Global Archaeology* (pp. 7213–7215). New York, NY: Springer New York. [https://doi.org/10.1007/978-1-4419-0465-2\\_1141](https://doi.org/10.1007/978-1-4419-0465-2_1141)
- Korgen, K. & J.M. White (2008). *Engaged sociologist: connecting the classroom to the community*. Pine Forge Press
- Mason, R. (2002). *Assessing Values in Conservation Planning: Methodological Issues and Choices. Assessing the Values of Cultural Heritage*. Retrieved from [www.getty.edu/conservation/publications\\_resources/pdf\\_publications/.../assessing.pdf](http://www.getty.edu/conservation/publications_resources/pdf_publications/.../assessing.pdf)
- Mathers, N., Fox, N., & Hunn, A. (2007). *Implementing Administrative Surveys and Questionnaires*. Yorkshire & Humber. Retrieved from [www.rds-yh.nihr.ac.uk](http://www.rds-yh.nihr.ac.uk)
- Mohd Yusoff, M. Y. (2018). Pemuliharaan warisan budaya melalui perundangan warisan dan agensi pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 143–159.
- New Zealand Charter for the Conservation of Places of Cultural Heritage Value (2010). ICOMOS NZ (Inc.). New Zealand.
- PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa) Kementerian Kesejahteraan Bandar, P. dan K. T. (2017). *Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030* (Vol. 106).
- Putnam, R. D., Leonardi, R., & Nanetti, R. Y. (1993). *Making democracy work: Civic traditions in modern Italy*. Princeton university press.
- Rancangan Fizikal Negara ke-3 (RFN 3), (2015). TERAS 3: Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni. Retrieved from <https://www.townplan.gov.my/content.php?ID=41>
- Ravasi, D., & Rindova, V. (2008). Symbolic value creation. In *The Sage Handbook of New Approaches to Organization Studies* (pp. 270–287). SAGE Publications Ltd. <https://doi.org/10.4135/9781849200394.n49>
- Riegl, A. (1996). The modern cult of monuments: its essence and its development. *Historical and philosophical issues in the conservation of cultural heritage*, 69, 83.
- Ripp, M. (Ed.). (2011). "The Road to Success": Integrated Management of Historic Towns; Guidebook; an Urbact II Project. Stadt Regensburg, Planning and Building Division, World Heritage Management.
- Sakhaeifar, A., & Ghoddusifar, S. H. (2016). Impact of location-behavior on sense of belonging to place. *Modern Applied Science*, 10(5), 57.
- Singleton, R. A., & Straits, B. C. (2009). *Approaches to social research* (5th ed.). New York: Oxford University Press.
- Syala, N., Jahnkassim, S., & Abdullah, A. (2018). Islamic influence in traditional malay settlement - The case of Kuala Terengganu, (July).
- The Allen Consulting Group, T. A. (2005). *Valuing the priceless: The value of historic heritage in Australia*.
- The Government of Malaysia. (2005). *The National Heritage Act 2005 (Act 645)*. Malaysia: Kuala Lumpur.
- Utusan Borneo (Sabah ). (11 Sep 2016). Memulihara Bangunan Warisan. p.2. [Retrieved from <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20160911/281973197106663>
- Yeoh, B. S., & Kong, L. (1995). *Portraits of places: History, community and identity in Singapore*. Singapore, Times Editions.